



Established in 1879

Sekolah Menengah Perempuan Raffles

Raffles Girls' School

Name: _____

Class: 1 _____

Register No: _____

BAHASA MELAYU PROGRAM KHAS

MALAY SPECIAL PROGRAMME

TAHUN 1

YEAR 1

KERTAS 2

PAPER 2

Penilaian Bertulis

Pen-and-Paper Assessment

Selasa
Tuesday

9 Jun 2020
9 June 2020

1 jam
1 hour

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Tulis nama, kelas dan nombor indeks kamu dengan jelas.
2. Jawab semua soalan.
3. Baca soalan dengan teliti.
4. Markah penuh untuk kertas ini ialah **30**
 - Bahagian A (10 soalan; 10 markah)
 - Bahagian B (10 soalan; 10 markah)
 - Bahagian C (5 soalan; 10 markah)
5. Timbangan untuk kertas ini ialah **0%**

Kertas ini mengandungi 8 halaman bercetak, termasuk muka depan ini.

This Question Paper consists of 8 printed pages, including this cover page.

This study source was downloaded by 100000857398866 from CourseHero.com on 11-09-2024 21:24:26 GMT -06:00

[Turn Over]

BAHAGIAN A (10 MARKAH)

ARAHAN: Bagi setiap soalan, terdapat empat patah perkataan yang disenaraikan. Pilih perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan itu. Tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam ruangan yang disediakan.

Soalan A1 (5 markah)

Setiap pagi saya pergi ke sekolah dengan menaiki bas. Saya selalu

pastikan (1)  saya sentiasa bersih dan kemas. Semasa di dalam kelas,

(2)  memastikan kebersihan kelas. Selepas guru masuk ke dalam kelas,

kami semua berdiri untuk memberi ucapan. (3) “_____ . Sila duduk,” kata guru

kepada pelajar-pelajar. Kemudian, kami mengeluarkan buku dan (4) _____ . 

Kami meletakkannya di atas (5)  . Kami belajar sehingga tiba waktu rehat pada pukul 10 pagi.

- 1 (A) baju
(B) kemeja
(C) lencana
(D) baju seragam

- 2 (A) guru
(B) pengetua
(C) pengawas
(D) pustakawan


- 3 (A) Selamat Pagi
(B) Selamat Petang
(C) Selamat Tinggal
(D) Selamat Malam

- 4 (A) fail
(B) buku
(C) buku cerita
(D) komputer riba

- 5 (A) bilik
(B) meja
(C) kerusi
(D) kaunter

Soalan A2 (5 markah)

Semasa dua bulan berada di rumah akibat Covid-19, saya melakukan banyak aktiviti __ (6) __ rumah. Saya __ (7) __ buku cerita pada setiap hari. Saya __ (8) __ Internet pada masa lapang. Saya rasa __ (9) __ dapat bersembang dengan rakan siber saya. Saya juga selalu __ (10) __ dengan rakan di Internet.



- 6 (A) di
(B) ke
(C) dan
(D) atau

- 7 (A) belajar
(B) membaca
(C) menonton
(D) berbincang

- 8 (A) mengisi
(B) melawat
(C) menjaga
(D) melungsuri

- 9 (A) sedih
(B) marah
(C) terharu
(D) gembira

- 10 (A) berjaga
(B) bersenam
(C) berkemas
(D) bersiar-siar

BAHAGIAN B**Soalan B1 (5 markah)****SELAMAT DATANG KE BLOG LISA**

Nama saya Lisa, saya pelajar di Sekolah Menengah Perempuan Mekar. Saya pelajar di menengah satu. Saya mula minat bermain gitar sejak umur saya 10 tahun. Guru gitar saya bernama Puan Asiah. Selepas membuat kerja sekolah, saya berlatih bermain gitar bersama rakan-rakan saya, Tini dan Alisha. Kami berlatih tiga kali dalam seminggu.

Anda mahu belajar bermain gitar? Sertai sesi PERCUMA ini.

SESI BELAJAR BERMAIN GITAR

Hari: Rabu dan Sabtu

Masa: 7 malam hingga 8.30 malam

Hubungi saya, Lisa Hani di lisahani@eemel.com

11. Siapakah yang menulis blog ini?

- A) Lisa
- B) Tini
- C) Alisha
- D) Puan Asiah

12. Apakah yang dia minat?

- A) menulis blog
- B) bermain gitar
- C) membuat kerja sekolah
- D) berlatih dengan rakan-rakan

13. Bilakah Sesi Belajar Bermain Gitar percuma diadakan?

- A) Rabu
- B) Sabtu
- C) Rabu dan Sabtu
- D) Rabu hingga Sabtu

14. Berapa lamakah sesi percuma ini dijalankan?

- A) 30 minit
- B) 45 minit
- C) 1 jam
- D) 1 setengah jam

15. Bagaimanakah anda boleh hubungi Lisa?

- A) blog
- B) e-mel
- C) telefon
- D) di sekolah

Soalan B2
(5 markah)

AHAN: Berdasarkan rangsangan grafik yang diberikan, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan yang berikut. Tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam ruangan yang disediakan.

Jadual Cuti Sekolah Afia			
	8.00 – 11.00	1.00 – 5.00	7.00 – 10.00
Isnin	- Bersenam - Membuat kerja sekolah	Berbincang dengan kawan tentang projek Sains di Internet	Menonton televisyen bersama keluarga
Selasa	- Mengemas rumah - Melungsur Internet	Menghadiri kelas lukisan 	Makan malam di rumah nenek dan datuk 
Rabu	- Yoga - Membuat projek untuk subjek Inggeris	Pergi ke perpustakaan untuk meminjam buku	Makan malam bersama keluarga di Pizza Hut
Khamis	- Mengemas bilik - Melungsur Internet	Menghadiri kelas piano	Membantu adik dalam projek Sejarah
Jumaat	- Berlari-lari anak - Pergi ke kelas tuisyen Matematik	Membeli-belah dengan kawan 	Pergi ke konsert di Victoria Theatre bersama kakak
Sabtu	Pergi ke Taman di Persisiran (Garden By the Bay) bersama keluarga sempena hari lahir Ibu		Makan malam di Satay By The Bay bersama keluarga
Ahad	Persiapan makan tengah hari di rumah bersama nenek, datuk dan keluarga Pakcik Lee		Menonton Netflix bersama datuk, nenek Pakcik Lee dan keluarga

16. Jadual cuti sekolah Afia untuk _____.
- A) sejam
 - B) sehari
 - C) sebulan
 - D) seminggu
17. Afia bersenam pada pagi _____.
- A) Isnin
 - B) Isnin dan Rabu
 - C) Isnin hingga Jumaat
 - D) Isnin, Rabu dan Jumaat
18. Afia menziarahi nenek dan datuk pada _____ hari Selasa.
- A) pagi
 - B) petang
 - C) malam
 - D) tengah hari
19. Afia dan keluarga pergi ke Taman di Persisiran untuk menyambut _____.
- A) hari lahir ibu
 - B) hari lahir Afia
 - C) hari lahir datuk
 - D) hari lahir nenek
20. Afia melakukan aktiviti bersama keluarga pada _____.
- A) setiap malam
 - B) hujung minggu
 - C) pagi Sabtu dan Ahad
 - D) setiap malam dan hujung minggu

BAHAGIAN C
(10 markah)

ARAHAN: Baca cerita berikut dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

Mary dan Arini sedang duduk di sudut belajar. Mereka berbual tentang kegiatan kokurikulum yang disertai oleh mereka.

Mary	Arini, apakah kegiatan kokurikulum yang awak pilih? Saya dengar awak suka bersukan.
Arini	Saya memilih bola keranjang. Saya suka aktiviti lasak. Saya telah berlatih sejak di sekolah rendah. Apakah yang awak pilih, Mary?
Mary	Saya memilih pasukan kadet polis. Saya juga suka aktiviti lasak.
Arini	Di manakah latihan awak diadakan? Latihan pasukan saya diadakan di gelanggang sekolah.
Mary	Latihan pasukan kadet polis saya diadakan di padang atau di kawasan lapang.
Arini	Saya berlatih bola keranjang pada setiap Isnin dan Jumaat. Bilakah latihan pasukan awak diadakan?
Mary	Latihan pasukan kadet polis diadakan pada setiap Rabu dan Jumaat.
Arini	Kalau begitu kita boleh pulang bersama-sama pada hari Jumaat hadapan selepas latihan nanti.
Mary	Boleh, mari kita pulang bersama. Saya akan tunggu awak.

21. Apakah aktiviti kokurikulum Arini?
22. Mengapakah Arini suka aktiviti itu?
23. Bilakah latihan pasukan kadet polis dijalankan?
24. Di manakah latihan Mary diadakan?
25. Apakah yang akan Arini dan Mary lakukan pada Jumaat hadapan?

SELESAI